

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6 BILANGAN 20.

BANDAR BRUNEI, RABU, 18 OCTOBER, 1961. (8 JEMADIL AWAL 1381).

PERCHUMA

ASKAR MELAYU BRUNEI:

70 ORANG LAGI KA-MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Hampir 2,000 orang keluarga, sahabat handai dan orang ramai telah hadir ka-kawasan tambatan Kastam di-Raja di-sini kerana menghantar dan mengucapkan selamat belayar kepada 70 orang bakal Askar2 Melayu Brunei yang telah berlepas pada pagi 16 October yang lalu.

Rombongan bakal Askar2 Melayu itu telah menumpang di-kapal Bolkihah ka-Labuan dan dari Labuan dengan kapal yang lain menuju Singapura dan Port Dickson tempat mereka menjalani latihan.

Sa-baik sahaja kapal Bolkihah bertolak dari tambatan Kastam pada pukul 7.45 azan pun kedengaran di-lafadzkan oleh Yang di-Muliakan Mudim Haji Wasli.

Sa-belum itu, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun telah beramah tamah dan berkenalan dengan bakal Askar2 itu dan menyampaikan ucapan beliau yang berupa nasehat (ucapan Menteri Besar lihat di-muka 5).

Upacara memberi selamat belayar itu di-tamatkan dengan "doa selamat" di-bachakan oleh Begawan Khatib Haji Adanan.

Rombongan bakal Askar2 Melayu Brunei itu, di-sertai oleh Yang Berhormat2 Inche Abd. Manan bin Mohammad dan Inche' Taha bin Abd. Rahman. manakala Yang Berhormat Pengi-

ran Ahmad bin D.P.B. Anak Haji Md. Yassin akan berlepas dengan kapal terbang pada 19 October esok ka-Singapura untuk membawa bakal Askar2 itu ka-Port Dickson.

Di-antara ramai yang hadir di-tambatan Kastam di-Raja untuk mengucapkan selamat belayar kepada bakal Askar2 itu ialah Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei; Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Md. Ali, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei; Yang Mulia Pengiran Haji Abd. Rahman dan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri.

Pasokan Pencharagam Pulis telah juga menghiborkan bakal Askar2 tersebut sa-belum meninggalkan tanah ayer pada pagi itu.

Wakil-Wakil Brunei Balek Dari Persidangan Ekonomi

BANDAR BRUNEI. — Persidangan Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh yang telah di-langsungkan di-New Delhi, India di-bawah anjoran Pertubuhan Bangsa2 Bersatu sa-lama delapan hari sedikit hari dahulu telah mendapat kejayaan yang besar. Demikian kata Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf telah menghadiri persidangan tersebut sa-bagai ketua perwakilan dari Negeri Brunei.

Lain2 anggota perwakilan tersebut ia-lah Yang Berhormat Pengiran Ahmad bin Al-Merhom Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin. Pegawai Pentadbir Negeri Brunei; Inche Sa'ad bin Marzuki, Setia Usaha Perkembangan Negara, Brunei, dan Doktor J.S. Gould, Penasehat Ekonomik Bangsa2 Bersatu yang pada masa ini sedang berkhidmat dengan Kerajaan Brunei.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf

menyatakan bahawa persidangan Surohanjaya Perekonomian itu telah di-adakan di-New Delhi mulai daripada 26 September hingga 3 October, 1961.

Yang Terutama Shri Jawaharlal Nehru, Perdana Menteri India telah membuka dengan rasmi-nya persidangan tersebut.

Shri Gulzarilal Nanda, Timbalan Pengurus Surohanjaya Peranchang Kerajaan India telah memimpin persidangan itu. Beliau telah di-bantu oleh Inche Mumtaz Hassan dari Pakistan sa-bagai Timbalan Pengurus Yang Pertama dan Inche H. Hutasoit dari Indonesia sa-bagai Timbalan Pengurus Yang Kedua.

Lebih daripada 100 orang wakil2 dari beberapa buah negara telah hadir di-persidangan itu. (Lihat Muka 8)

D.S.P.H. Yusuf Dapat Gelaran Doktor

BANDAR BRUNEI. —

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei telah menerima satu gelaran kehormatan yang tinggi sa-bagai "Doktor of Law" dari International Academy, beribu pejabat di-Vancouver, Canada.

Beliau telah menerima surat lantikan gelaran kehormatan yang tinggi itu serta juga surat2 tauliah dan lain2-nya dari I.A. itu pada hari Sabtu 7 October yang lalu ia-itu pada hari yang beliau balek ka-Tanah Ayer sa-telah menghadiri Persidangan Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timar Jauh di-New Delhi,



Satu pemandangan di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada pagi hari lthnin yang lalu sa-belum bakal2 Askar Melayu Brunei berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk berlatih di-sana.

PENYAKIT TAUN:**PENGUMUMAN MENTERI BESAR BRUNEI**

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah mengumumkan bahawa kawasan2 bahagian pertama, kedua, ketiga dan keempat dari jajahan2 Negeri Sarawak ada-lah kawasan yang merbahaya yang telah terjadi penyakit ta'un.

Berikutan dengan wabak-nya penyakit itu di-kawasan2 tersebut, pada masa ini Negeri Brunei adalah terancam oleh penyakit yang merbahaya itu.

Untuk mencegah penyakit taun itu berjangkit di-Negeri Brunei, peratoran2 yang di-bawah kuat kuasa Undang2 dan Penchegah Penyakit telah dibuat oleh Menteri Besar Brunei melalui Warta Kerajaan pada 4 October yang lalu.

Undang2 itu mensharatkan

Pulis Sarawak Balek

SERIA. — Pasokan Pulis Sarawak yang telah berkhidmat di-Negeri Brunei semenjak tahun 1953 telah balek ka-Sarawak pada awal bulan ini.

Sa-minggu sa-belum meninggalkan pantai Brunei, pasokan Pulis Sarawak di-bawah pimpinan A.S.P. Lutter telah mengadakan satu istiadat berbaris dan majlis Selamat Berpisah di-Panaga Camp, Seria.

Pesurohja Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White telah menghadihkan sa-buah piala perak kepada pasokan Pulis Sarawak untuk perakuan menembak antara mereka; Pesurohja Pulis Negeri Brunei, Tuan A.N. Outram telah menghadihkan sa-buah kotak rokok perak kepada pasokan itu dan Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Kuala Belait, Superintendent Abdul Majid menghadihkan sa-buah gong perak kepada pasokan pulis Sarawak. Sa-bagai tanda kenangan, pasokan Pulis Sarawak pula menghadihkan kepada Pulis Brunei sa-buah chenderamata berupa lambang Pulis Sarawak.

bahawa penduduk2 Negeri Brunei kechuali kanak2 yang berumur kurang dari sa-tahun yang tidak mempunyai satu siji suntik penyakit taun yang sah hendak-lah pergi bersuntik bagi melawan penyakit taun di-Pejabat Kesehatan yang berhampiran dengan tempat kediaman mereka dalam tempoh 14 hari sa-lapas berjalan-nya kuat kuasa peratoran2 itu.

Undang2 itu juga memberi amaran bahawa orang2 yang dengan sengahja chuai atau ingin menjalankan atau menghalang sa-barang peratoran atau perintah yang di-buat di-bawah bab 32 (4) dari undang2 itu mungkin di-kenakan denda yang tidak lebeh dari \$500.

Sa-lain dari itu, undang2 itu menegaskan bahawa:

◆ Peratoran ini boleh di-gelar-

kan sa-bagai peratoran2 Kerantin dan Penchegahan Penyakit (suntik penyakit taun), 1961, dan akan berjalan kuat kuasanya pada 5hb October, 1961, dan kechuali jika di-lanjutkan lagi akan tamat kuat kuasanya pada 5hb April, 1962.

◆ Mana2 orang yang tinggal dalam Negeri Brunei hendak-lah menghadhiri peperiksaan doktor, suntik dan pemusnahan hama2 sa-bagaimana yang boleh diarahkan oleh Pegawai Kesehatan dan Pegawai Kesehatan itu boleh menahan mana2 orang tersebut untuk pemerhatian di-sa-buah tempat yang di-tetapkan oleh-nya dan atau untuk di-awasi sa-bagaimana yang di-fikirkan perlu.

◆ Sa-orang Pegawai Kesehatan boleh menahan orang atau orang2 yang tiba dengan jalan udara, darat atau laut yang tidak mempunyai satu siji suntikan melawan penyakit taun yang sah masuk ka-negeri ini.

◆ Mana2 orang yang melanggar sa-barang kandungan2 peratoran2 itu mungkin di-kenakan hukuman yang di-tetapkan di-bawah bab 32 (4) dari undang2 itu.

Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei telah melawat ka-beberapa tempat dalam negeri ini untuk memberi sharahan ugama pada hari2 Jumaat 6 dan 13 October yang lalu.

Jadual lawatan anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam tersebut ka-lain2 tempat mulai dari malam esok hingga ka-hari Jumaat 27 October ada-lah seperti di-bawah ini:

Esok, hari Khamis 19 October mulai dari pukul 8 malam bertempat di-Mesjid Penanjong, Tutong.

Hari Jumaat 20 October mulai dari pukul 11 pagi di-Mesjid Kampong Sungai Liang, Daerah Belait dan pada masa itu juga satu rombongan lagi akan mem-

beri sharahan ugama di-Mesjid Kampong Labu, Temburong.

Hari Jumaat 27 October: Dari pukul 10 pagi di-Sekolah Melayu Kasat, Brunei. Dari pukul 11 pagi di-Mesjid Kampong Kuala Balai, Ulu Belait dan dari pukul 2 petang di-Sekolah Melayu Kuala Belait.

"PUDAR SA-BAUH EMPIRE"

BANDAR BRUNEI. — "Pudar-nya Sa-buah Empire", sa-buah cerita sejarah Brunei akan di-pentaskan pada 28 October ini di-Pangpong Boon Pang Baharu oleh Pakatan Bumi Putera Brunei kerana mengutip derma mangsa2 kebakaran di-Jalan Tasek Lama pada bulan lepas.

Cerita sandiwaranya itu di-karang oleh Inche Mohamad Saruddin, bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan di-arahkan oleh Inche Ibrahim Ali, bekas penolong pengarah disalah sa-buah sharikat filam di-Singapura yang pada masa ini sedang berkhidmat di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Tikit2 50 sen yang di-khaskan kepada murid2 sekolah di-pekan Brunei boleh di-beli melalui guru2 besar.

Tikit2 \$1 dan \$2 untuk orang ramai boleh di-beli melalui Ak. Abbas bin Pengiran Haji Besar, di-Jabatan Penerangan, Brunei; Pengiran Momin bin Pengiran Damit, di-Jabatan Penchen, Brunei dan Inche Ilham Md. Noor di-Jabatan Radio Brunei.

PENGARAH DEWAN BAHASA

Yang Berhormat Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar dari Jabatan Pelajaran, Brunei telah dilantik sa-bagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

SA-KIRA-NYA BRUNEI MAHU

BANDAR BRUNEI. — Tuan Surjono Sastrowardjo, Konsol Indonesia dan Tuan Dewipusrandito Makstojo, Naib Konsol Indonesia di-Singapura telah melawat ka-Jabatan Pelajaran Brunei dan bertemu dengan Pegawai Pelajaran Negara, Brunei Yang Berhormat Inche Idris bin Babjee pada hari Sabtu 7 October yang lalu.

Dalam pertemuan tersebut, Tuan Surjono menyatakan kapada Yang Berhormat Inche Idris bahawa Kerajaan Indonesia bersedia memberi pertolongan mengenai buku2 pelajaran dari Indonesia kapada Kerajaan Brunei sa-kira-nya di-kehendaki.

Beliau juga menyatakan bahawa sa-kira-nya Kerajaan Brunei berkehendakkan pertolongan supaya Kerajaan Indonesia melatoh guru2 di-negeri ini, Kerajaan Indonesia bersedia memberi pertolongan.



Penuntut2 tahun tiga Maktab Perguruan Melayu Brunei bergambar ramai di-Tambatan Kastam Diraja Bandar Brunei pada masa sa-belum mereka melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu. Berdiri di-kiri sa-kali ia-lah Inche Othman bin Bidin, Pengetua maktab tersebut dan di-kanan sa-kali ia-lah Inche Ali Aduka — Pensharah maktab itu. Berita lanjut mengenai lawatan penuntut2 tersebut telah di-siarkan dalam PELITA BRUNEI keluaran 4 October yang lalu.

WAKIL BANGSA-BANGSA BERSATU TIBA DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Tuan A. Vaidyanathan, Timbalan Wakil Jajahan bagi Lembaga Bantuan Teknikal Bangsa2 Bersatu, untuk Tenggara Asia telah tiba di-sini dari Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari Khamis yang lalu.

Beliau telah di-sambut di-lapangan terbang Brunei oleh Inche Mohamed Taib bin Awang Besar, Pegawai Pentadbiran Negeri Brunei dan Doktor J.S. Gould, Penasehat Ekonomik Bangsa2 Bersatu yang pada masa ini berkhidmat dengan Kerajaan Brunei.

PEGAWAI2 TENTERA MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Enam orang Pegawai2 dari Tentera Diraja Persekutuan Tanah Melayu telah melawat ka-Negeri Brunei dengan kapal terbang Tentera Udara Diraja Persekutuan Tanah Melayu pada 2 October dan telah balek ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang itu empat hari kemudian.

Pegawai2 itu ia-lah Lieutenant Colonel Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin, Lieutenant Colonel Sany, Colonel Wilkinson, Lieutenant Colonel Dover, Major Ratcliffe dan Kapitan Syed Alwee.

PANCHARAGAM PULIS BRUNEI

BERAKAS. — Tarikh dan tempat persembahan musik oleh Pancharagam Pulis Negeri Brunei mulai dari hari Jumaat 20 October hingga ka-hari Ahad 29 October ada-lah seperti di-bawah ini:

Hari Jumaat 20 October — 9 pagi di-Pekan Bangar, Temburong dan pada pukul 3.30 petang di-Pulau Baru-Baru.

Hari Ithnin 23 October — 6.30 petang di-tempat pancharagam, Seria.

Hari Khamis 26 October — 4.30 petang di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Hari Ahad 29 October — 7 malam di-tempat pancharagam, Bandar Brunei.

Derma Kebakaran

BANDAR BRUNEI. — Jumlah wang yang telah di-terima dari orang ramai, Jabatan2 Kerajaan dan lain2-nya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Brunei untuk membantu mangsa kebakaran di-Bandar Brunei hingga ka-hari Khamis yang lalu berjumlah sa-banyak \$5,659.35.

Kebakaran itu telah berlaku di-sabtu baki kepunyaan Kerajaan Brunei di-Jalan Tasek Lama pada 21 September yang lalu dan membinasakan harta benda dan lain2-nya berjumlah kira2 \$23,000.

Pada petang hari tersebut Tuan Vaidyanathan telah bertemu dengan Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun, Menteri Besar, Brunei; Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei; Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White dan telah menghadiri satu majlis jamuan di-rumah Timbalan Setia Usaha Kerajaan pada pukul tujuh malam hari itu.

Tuan Vaidyanathan telah melawat ka-Sharikat Minyak Brunei Shell pada hari Jumaat yang lalu.

Pada hari Sabtu pula beliau telah mengadakan pertemuan

dengan Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche Idris bin Babjee; Pegawai Perubatan Negara Brunei, Doktor Abdul Wahab bin Mohamad Ariff; Pemangku Jurutera Negara Brunei, Inche Talib bin Darwish; Pegawai Pertanian Negara, Yang Berhormat Inche Hamid bin Awang Damit; Jurutera Elektrik Negara Brunei, Tuan Rajaratnam; Pengawal Talikom Negara Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Mohamad; Pegawai Kewangan Negera, Yang Berhormat Tuan M.D.B. Graham dan dengan Pemangku Pegawai Penerangan Negara Brunei, Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.

Tuan Vaidyanathan telah berlepas ka-Jesseltown dengan kapal terbang pada petang hari Sabtu yang lalu.

PEGUAM NEGARA



Datu Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain bekas Penasehat Undang2 di Negeri Perak, Persekutuan Tanah Melayu telah menggantikan Inche Ali bin Hassan, sa-bagai Peguam Negara Brunei yang baharu.

Persidangan Jawatan Kuasa Pertubuhan Kesehatan Sadunia


BANDAR BRUNEI. — Doktor Abdul Wahab Ariff, Pegawai Perubatan Negara, Brunei telah menghadiri Persidangan Jawatan Kuasa Pertubuhan Kesehatan Sa-dunia Kali yan kedua belas di-Wellington, New Zealand sadikit hari dahulu.

Beliau telah di-temani oleh Inche Kwong Sea Yoong, Pegawai Gigi untuk Sekolah2 dalam Negeri Brunei.

Sa-lepas menghadiri persidangan tersebut, Doktor Abdul Wahab dan Inche Kwong Sea Yoong telah melawat ka-Perkhidmatan2 Perubatan di-New Zealand.

Doktor Abdul Wahab menyatakan bahawa beliau telah memperolehi banyak pengalaman pada masa lawatan ka-Rumah2 Sakit di-New Zealand dan Australia.

Pengalaman yang telah di-perolehi itu, tegas Doktor Abdul Wahab, akan di-jadikan panduan untuk memberi pertolongan2 kepada masyarakat di-Negeri Brunei mengenai hal ehwal perubatan.



Doktor Abdul Wahab Ariff, Pegawai Perubatan Negara, Brunei (nombor 4 dari kanan) bergambar dengan pakar2 perubatan dari beberapa buah negara sa-masa menghadiri Persidangan Jawatan Kuasa Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia di-Wellington, New Zealand — Gambar dengan ehsan Inche Kwong Sea Yoong.



Inche M.J. Caldwell (kiri) dan Inche Abdul Hamid Ja'afar (kanan) bergambar di-bangunan lapangan terbang Brunei sa-belum berangkat ka-Tokyo dengan Kapal Terbang Cathay Pacific Airways.

PERSIDANGAN AMPANGAN DAN KOLAM AYER

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah menghantarakan dua orang wakil ka-Persidangan Kawasan berkenaan dengan Ampangan dan Kolam2 Ayer di-Negeri Jepun.

Pegawai2 tersebut ia-lah Inche M.J. Caldwell, Jurutera Ayer Negeri Brunei dan Inche Abdul Hamid bin Ja'afar, Penolong Pertanian Negeri Brunei.

Persidangan itu telah di-adakan di-Tokyo pada bulan yang lalu dan di-selenggarakan oleh Pertubuhan Bangsa2 Bersatu.

Berbagai2 perkara yang mustahak mengenai ampangan dan kolam2 ayer telah di-bincangkan dalam persidangan tersebut.

CHARA2 YANG BAIK MEMELIHARA KERBAU

Pada masa ini chara2 memelihara kerbau di-kampung2 dalam negeri ini di-dapati tidak memuaskan hati, terutama sekali kebanyakan kerbau2 itu tidak di-buatkan kandang (rumah) yang mempunyai kawasan rumput yang berpagar tempat mencari makan menyebabkan kerbau2 itu keluar merayau ka-sana sini sa-hingga merusakkan jalan raya dan tanam2an orang lain.

Oleh sebab pemeliharaan yang tidak teratur itu anak2 kerbau selalu di-dapati mati di-sebabkan tempat-nya beranak tidak tentu. Kerbau2 itu di-biarkan beranak di-dalam hutan belukar yang semak2, kerana di-tempat ini di-perchayai ada bermacam2 musuh yang memakan anak kerbau yang baru keluar itu, umpamanya binatang2 babi, ular dan lain2 lagi.

Untuk mengelakkan dari perkara tersebut, maka di-bawah ini di-terangkan peraturan2 yang di-fikirkan lebeh baik dan sempurna untuk menjadi panduan penduduk2 yang mengusahakan ternakan kerbau di-negeri ini.

Memilih tanah untuk membangun kandang hendaklah pada tempat sederhana ia itu tidak sejok dan tidak panas.

KAWASAN

DI-KEHENDAKI

Kawasan yang di-kehendaki hendaklah tinggi dan luas dan keadaan tanah-nya tidak berbatu2 dan berpasir supaya rumput2 yang di-kehendaki boleh tumbuh dengan subur, terutama kawasan itu boleh di-dapati ayer dengan senang.

Sa-telah kawasan yang di-kehendaki itu di-dapati maka chara2 membuat kandang-nya pula ada dua jenis peraturan membuat-nya.

Yang pertama, dengan menggunakan perbelanjaan yang besar seperti membuatkan tiang simin, atap zing, lantai simin dan sa-bagai-nya. Chara ini mungkin sa-bahagian penduduk2 dalam negeri ini tidak mampu mengusahakan-nya. Yang ke-dua, chara yang sederhana yang di-perchayai boleh di-usahakan oleh penduduk2 kampung.

Chara2 tersebut ada-lah seperti berikut:

◆Tiang2 dan sa-bagai-nya di-buat dari kayu2 keras yang boleh di-dapati dalam hutan.

◆Atap-nya daun nipah atau rumput lalang.

◆Tanah tempat mendirikan kandang itu hendaklah melekong di-tengah2 supaya tahi dan ayer kencing-nya senang mengalir.

Di-keiling kawasan kandang itu mesti-lah di-buatkan longkang.

◆Kawasan kandang hendak-lah di-pagar dengan kayu.

Renchana berhubung dengan memelihara Kerbau, chara2 mengusahakan-nya telah di-tulis oleh Inche Metussin bin Metassan, pegawai jabatan haiwan di-Daerah Temburong. Beliau menulis:

◆Tinggi, buka dan panjang-nya hendak-lah di-sesuaikan dengan banyak-nya kerbau yang di-usahakan itu.

Pada tiap2 hari hendak-lah di-bersekan kandang kerbau itu dan tahi-nya hendak-lah di-simpan pada satu tempat untuk di-buatkan baja tanam2an bila di-kehendaki.

Sa-telah kandang itu di-bersekan hendak-lah di-isikan dengan lalang kering.

CHARA MENJAGA

Yang mustahak sekali dalam pemeliharaan kerbau ini ia-lah chara2 menjaga-nya. Berbagai2 chara telah di-lakukan

bersekan atau di-mandikan.

Masa memandikan kerbau itu hendak-lah sa-minggu sekali, atau di-lap dengan kain yang di-champor dengan ubat kutu yang bernama Gamatox Paste Dip.

Sa-lain dari memberi makan rumput ada beberapa jenis champoran abok untuk di-jadikan makanan-nya supaya lebeh kelihatan sehat dan segar. Champoran abok tersebut ada-lah seperti berikut:

Gandum yang sudah di-misin sa-banyak 61 kati, abok gandum yang sudah di-misin sa-banyak 49 kati, jagong yang sudah di-misin sa-banyak 61



Kalau pemeliharaan kerbau2 itu di-usahakan dengan mengikut peraturan2 yang tertentu, maka kerbau2 tersebut akan sentiasa kelihatan sehat dan segar seperti gambar di-atas.

oleh penduduk2 dalam negeri ini, tetapi yang di-fikirkan baik untuk menjadi panduan ia-lah:

◆Kerbau2 yang mempunyai anak kecil elok-lah di-asingkan kandang-nya untuk menjaga keselamatan anak2 kerbau itu.

◆Anak kerbau itu jangan di-biarkan ikut bersama ibu-nya mencari makan sa-hingga berumur 4 atau 5 bulan.

◆Kerbau yang tidak mempunyai anak kecil boleh-lah di-kumpulkan pada satu tempat sahaja. Dan kerbau jantan yang bermusuhi hendak-lah di-jagai dengan sa-chukup-nya.

◆Kerbau bunting yang hampir akan beranak jangan-lah di-lepaskan keluar mencari makan jauh dari kandang, kerana dengan itu keselamatan kerbau itu (ibu dan anak-nya) akan terjamin.

Apabila di-dapati badan kerbau itu kotor atau sa-lepas ia berkubang hendak-lah di-

beri 3 lbs atau 4 lbs pada tiap2 sa-ekor.

Chara memberi makan rumput yang dalam kawasan pula hendak-lah mengikut masa yang di-hadkan ia-itu dalam sa-ekar rumput yang tidak berchampur atau 2 ekar rumput yang berchampur2 yang di-fikirkan baik untuk menjadi makanan-nya hendak-lah dalam masa sa-lama satu minggu sahaja.

Tetapi kalau satu kawasan kandang rumput yang luas-nya 180 ekar hendak-lah bahagikan kepada 6 pitak yang bererti tiap2 satu pitak di-isikan 30 ekor kerbau.

Pitak2 tersebut mesti-lah di-pagar dengan dawai yang berduri dan tiap2 satu pitak hendak-lah di-buatkan pintu supaya senang memindah2kan kerbau itu.

Jika kawasan kerbau2 itu tidak di-buat berpitak2, najis dan ayer kencing yang berchampur dengan rumput2 itu mungkin akan mendatangkan ulat2 kotor dan sa-bagai-nya. Apabila kerbau2 itu termakan rumput2 yang berchampur kotoran tersebut lama2 keadaan badan-nya akan menjadi kurus.

Kita tidak boleh sa-mata2 mengharapakan rumput2 dalam kawasan kandang itu sahaja, melainkan kita mesti-lah berusaha bertanam rumput2 yang baharu.

BERTANAM RUMPUT

Bertanam rumput yang baharu ini boleh chukop subur dalam masa 6 atau 8 bulan dan boleh-lah di-putong, sa-lepas di-putong kali yang pertama, dalam tempoh sa-bulan baharu boleh di-putong lagi, begitu-lah sa-terus-nya.

Jenis2 rumput yang hendak di-tanam yang di-perchayai baik untuk jadi makanan kerbau seperti rumput2 jenis2 Stylosanthes Gracilis, Molasses Grass dan Elephant Grass boleh di-dapati dari jabatan pertanian di-Brunei.

Peraturan memberi makan rumput yang sudah di-putong hendak-lah pada tiap2 sa-ekor kerbau yang besar, gemok dan sehat di-beri makan sa-banyak 25 lbs atau 30 lbs dan kerbau yang sakit yang kelihatan kurus sahaja di-beri makan sa-banyak 35 lbs atau 40 lbs.

Tiap2 kerbau yang di-usahakan mustahak juga di-beri makan garam supaya ia sentiasa jinak dan mengerti balek ka-kandang. Ada dua jenis garam yang besar faedah-nya pada sa-tiap kerbau yang di-beri makan, ia-itu garam merah dan garam puteh.

Garam merah membunuh segala chaching kerawit dalam perut-nya. Sa-belum memberi makan garam tersebut hendak-lah di-simpan dalam tong.

PENYAKIT TAUN

(Di-petik dari sharahan Doctor S.C.E. Abraham, Rumah Sakit Kerajaan, Brunei, melalui Radio Brunei.)

Untuk ma'aluman tuan2, khas-nya yang tinggal di-kampung2, bahawa semenjak dari 15 haribulan July tahun ini satu penyakit yang membawa maut bernama taun telah muncol di-wilayah Sarawak, dan telah merebak dari Daerah Satu ka-Daerah Empat.

Sekarang penyakit taun ini telah dapat di-tentukan berada di-Niah dalam Daerah Empat yang bersempadan dengan Brunei. Maka ada-lah mustahak bagi kita di-Brunei mengambil segala langkah berjaga2 untuk mengelak penyakit yang membawa maut ini daripada sampai kepada kita.

Untuk mencapai kejayaan ini maka bukan hanya kita tumpukan kepada pehak yang berkuasa perubatan dan kesihatan sahaja, tetapi ra'ayat Brunei sekalian-nya mesti-lah terlebih dahulu sedar bahawa mereka juga mempunyai baha-gian penting untuk melakukan sa-suatu bagi menahan penyakit yang membawa maut ini daripada merebak.

Di-bawah ini di-terangkan kepada tuan2:—

- ★ Apa-kah penyakit taun itu;
- ★ Bagimana-kah ia-nya merebak; dan
- ★ Bagimana-kah tuan boleh mencheegah-nya.

APA-KAH PENYAKIT TAUN ITU?

Taun ia-lah satu wabak penyakit berjangkit yang membawa kepada kechemasan. Tanda2 penyakit ini ia-lah bermula dengan muntah yang banyak dan berak yang mengelurkan najis ayer yang tiada berwarna, hingga membawa kepada tuboh badan kita menjadi keras kaku dan tersangat kering.

Kemudian ia-nya boleh berjangkit sa-lepas terdedah beberapa jam. Masa ia bertunas ia-lah di-antara 3 hingga 6 hari. Bila di-sebutkan masa bertunas ini ada-lah bermula masa yang sa-saorang itu mula di-jangkiti penyakit taun ini hingga keluar tanda2-nya.

Sa-masa wabak taun berlaku biasa-nya penyakit chirit birit atau berak2 pun sama berlaku. Sa-saorang boleh menyangka bahawa penyakit berak ini ia-lah jenis yang biasa di-sebabkan oleh salah makan, tetapi sa-lepas sa-hari atau dua ia akan berubah kepada tanda2 penyakit taun yang sa-benar2-nya.

Sa-benar-nya apabila penyakit taun telah berlaku pada sa-saorang maka najis chayer pun banyak keluar dan lazim-nya di-sertai dengan bisa2 yang amat sangat. Najis ini chuma boleh di-sifatkan sa-bagai najis "ayer kanji nasi" dan sa-jumlah besar benda chayer akan keluar merupakan muntah atau najis berak hingga berjumlah beberapa pints atau gelas besar.

BAGAIMANA TAUN MEREBAK?

Taun ia-lah sa-jenis penyakit yang di-bawa oleh ayer dan mengikut sejarah serangan2 penyakit taun yang pertama telah berlaku di-sepanjang2 sungai dan pulau2 yang di-muara sungai.

Dalam tahun 1883 ahli sain yang termashhor, Koch, yang dapat mengetahui tentang penyakit batok kering telah juga dapat mengetahui tentang penyakit taun di-Mesir.

Tatkala itu telah dapat di-ketahui bahawa penyakit taun itu merebak di-sebabkan teinbok parit yang membawa segala kekotoran telah pecah dan ayer-nya masuk ka-dalam sistem atau perjalanan pembekalan ayer minum, dan ayer minum inilah telah menjadi sumbar mendapat penyakit tersebut.

Di-Negeri Brunei sekarang 61 peratus daripada penduduk-nya boleh di-katakan meminum ayer paip dan sa-lebeh-nya meminum ayer perigi, sungai dan parit. Dalam Da'erah Brunei lebeh kurang 25,000 orang minum ayer paip.

Kapada tuan2 yang tinggal di-kampung2 dan di-da'erah2 luar bandar yang tidak mendapat ayer paip dan mengambil bekalan ayer dari sungai2, dan perigi2, maka segala langkah berjaga2 mesti-lah di-ambil supaya memasak ayer untuk minuman.

Barang2 makanan yang berupa susu, buah2an, sayor2an, makanan2 yang tidak di-masak, kain2 bulu dan linen yang telah di-jangkiti — kesemua-nya ini boleh menjadi jalan untuk memindahkan hama2 taun.

Maka dengan sebab itu, ada-lah mustahak sa-kali bagi semua barang2 makanan, khas-nya sayor2an di-rebus dan dimasak betul2 sa-belum di-hidangkan.

Satu lagi chara taun merebak ia-lah dengan melalui sa-orang pembawa taun yang pada zahir-nya kelihatan sehat, tetapi maseh mengeluarkan hama2 taun dalam najis-nya. Pembawa taun ini ia-lah orang2 yang telah semboh dari penyakit tersebut tetapi maseh terus membawa hama taun dalam perut-nya.

BAGAIMANA-KAH TUAN BOLEH MENCHEGAH PENYAKIT TAUN?

Chara yang mudah sa-kali untuk tuan berjaga2 ia-lah dengan diri tuan sendiri pergi bersuntik bagi melawan penyakit taun. Semenjak berlaku-nya wabak di-Sarawak, pehak yang berkuasa kesihatan dan perubatan Negeri Brunei telah mulai menjalankan kempen atau gerakan melawan penyakit taun dengan mengadakan suntikan.

Jika tuan2 belum bersuntik bagi melawan penyakit taun, maka tuan2 mesti-lah pergi dengan segera ka-Rumah Sakit yang berhampiran sa-kali, atau pusat kesihatan untuk bersuntik.

Jika tuan berasa shak bahawa penyakit taun berlaku di-antara keluarga tuan2 atau kampung tempat tuan2 tinggal maka tuan2 mesti-lah pindahkan si-sakit dengan serta merta ka-Rumah Sakit.

Di-rumah pula, orang2 yang melayani si-sakit tadi mesti-lah membunuh hama2 yang ada di-tangan mereka dengan ubat sa-lepas memegang atau menyentuh si-sakit itu, dan semua kain2 atau pakaian2 mesti-lah di-bunoh hama-nya dengan memakai ubat juga.

Tetapi jalan yang lebeh praktik atau yang senang sa-kali di-buat untuk mencheegah penyakit ini di-rumah2 ia-lah dengan memasak semua ayer yang hendak di-buat minuman atau masakan.

Ayer dari sungai atau perigi sunggoh pun jerneh dan berseh, tetapi ini-lah juga puncha besar jangkitan penyakit taun. Ayer2 yang sudah di-masak mesti-lah di-simpan dalam bekas2 ayer yang berseh dan di-tutup supaya tidak terdedah.

Sayor2an mesti-lah di-rebus betul2 sa-belum di-makan. Pehak yang berkuasa kesihatan dan perubatan negeri ini sekarang sedang memeriksa semua barang2 makanan yang masuk ka-negeri ini dan sayor2an di-kenakan ubat sa-belum di-gunakan.

Orang2 yang tidak mempunyai sijil atau certificate kesihatan menentang penyakit taun tidak akan di-benarkan masuk ka-Brunei. Penumpang2 melalui jalan laut dan darat juga sedang di-periksa.

Suntikan ada-lah menjadi suatu perkara yang wajib sekarang di-Brunei dan ini bermula bahawa undang2 Negeri Brunei menghendaki bersuntik, kalau tidak tuan2 akan melanggar undang2 dan ini, ada-lah satu kesalahan. Menteri Besar telah memberi perintah:—

"Semua orang yang tinggal di-Negeri Brunei, melainkan kanak2 yang berumur sa-tahun ka-bawah, yang tidak mempunyai surat suntikan yang sah bagi menentang penyakit taun, hendak-lah dalam masa 14 hari mulai dari tarikh berjalan-nya undang2 ini, menyerahkan diri mereka untuk di-suntik bagi menentang penyakit taun di-pejabat kesihatan yang berhampiran sa-kali dengan tempat tinggal mereka.

CHOLERA

(Text of speech delivered by Dr. S.C.E. Abraham of General Hospital, Brunei, over Radio Brunei.)

For your information especially those of you in the kampong areas, that since the 15th of July this year, a deadly disease called cholera has broken out in the Sarawak territory and has spread from the 1st to the 4th divisions.

Now that cholera has been isolated in Niah in the 4th division, which is on the Brunei border it is of vital importance that we here in Brunei should take every possible precaution to prevent this fatal disease from reaching us.

To achieve this successfully not only the Medical and Health Authorities, but the people of Brunei must first of all realise that they themselves have a very important part to play in curbing this fatal disease.

Append below are for your informations:—

1. What is cholera?
2. How does it spread?
3. How can you prevent it?

WHAT IS CHOLERA?

Cholera is an acute infectious epidemic disease characterised by profuse vomiting and purging of a colourless watery material resulting in muscular cramps and severe dehydration.

It declares itself on a few hours of exposure to infection. The incubation period is from 3 to 6 days, by incubation period it means the period during which a person has contacted cholera till the symptoms appear.

During a cholera epidemic diarrhoea is usually prevalent. One may assume this to be the usual "loose type" motions perhaps from some food upset, but after a day or two, this assumes the true character of cholera.

When true cholera sets in there is profuse watery stools usually associated with griping pains. The stools can but be described as "rice water" stools, and enormous amounts of fluid amounting to pints are either vomited or excreted in the form of loose motions.

HOW IS CHOLERA SPREAD?

Cholera is a water borne disease and historically the first cases of cholera occurred along rivers and river deltas.

In 1883 the famous scientist Koch who discovered the Tubercle bacillus also discovered cholera in Egypt.

It was found then, that cholera spread from the breaking dam of the sewerage system into the water works system, and drinking water has been the source of this infection.

Now in the State of Brunei 61% of the population are said to drink pipe water, and the rest drink

water from the wells, rivers and streams. In Brunei District some 25,000 people drink pipe water.

To those of you in kampongs or rural areas who do not have pipe water and get your water supply from rivers and wells every precaution to boil all drinking water must be maintained.

Food in the form of milk, fresh fruits, vegetables, uncooked foods, flies, infected linen — all these serve as a media for the transference of the cholera organism.

Therefore it is absolutely necessary that all foods especially vegetables should be well boiled and cooked before serving.

Another way cholera is spread is by a cholera carrier who may look healthy, but still excretes the organism in his faeces. These cholera carriers are people who have recovered from the disease, but continue to carry the organisms in their bowel.

HOW CAN YOU PREVENT CHOLERA?

The simplest precaution you can take is to get yourself vaccinated against cholera. Ever since the epidemic in Sarawak, the Brunei Medical and Health Authorities have begun an intensive campaign against cholera by vaccinations.

If you have not vaccinated yourself against cholera then you should go at once to the nearest hospital, or health centre and get yourself vaccinated.

If you suspect a case of cholera in your family or in the kampong you live you should immediately transfer the case to hospital.

At home those attending such cases should disinfect their hands after handling such patients, and all linen should be disinfected too.

However, the most practical way of prevention of this deadly disease at home is to boil all your water before drinking and cooking.

Water from a well or river may look clear and clean, but yet this may be the very source of cholera infection. Boiled water should be stored in clean containers and covered from exposure.

Fresh vegetables should also be boiled well before use. The Medical and Health Authorities in the State are now checking all foods coming into the State and fresh vegetables are being disinfected before use.

Those who are not in possession of a health certificate against cholera are being refused entry into the State of Brunei. Land and sea passengers are also being checked.

Vaccination is now compulsory in the State of Brunei, which means the law in Brunei demands that you should be vaccinated, otherwise you are going against the law and this is an offence. The Menteri Besar has ordered:

"All persons resident in the State of Brunei except children under the age of one year and not in possession of a valid certificate of vaccination against cholera shall within a period of 14 days from the effective date of these Regulations, submit themselves for vaccination against cholera at the Health Office nearest to their place of residence."

Nasehat Menteri Besar Kapada Bakal2 Askar

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun telah menasehatkan bakal Askar2 Melayu Brunei dan menyatakan sukachita beliau atas sambutan yang di-berikan oleh beberapa orang pemuda Melayu yang ingin mengabdikan diri menjadi Askar Melayu Brunei..

Yang Amat Berhormat itu menegaskan bahawa perkhidmatan menjadi Askar Melayu ada-lah satu tugas yang amat berat, tetapi mulia di-sisi bangsa, tanah ayer dan ugama.

Menteri Besar berkata:

"Askar Melayu Brunei ada-lah merupakan tulang belakang, sampama besi yang kokoh yang akan menjadi alat negara untuk mempertahankan dan menjaga keselamatan Negeri Brunei yang terkenal negeri yang aman dan damai."

Beliau melafadzkan ucapan ini sa-jurus sa-belum rombongan 70 orang bakal Askar Melayu Brunei berlepas dengan Kapal Bolkih ka-Labuan dalam perjalanan ka-Persekutuan Tanah Melayu pada pagi 16 October lepas.

Menasehatkan bakal Askar2 Melayu Brunei itu, Dato Setia Marsal berkata bahawa sa-belum meninggalkan tanah ayer yang di-chintai ini, hendak-nya bakal Askar2 Melayu itu akan terus mengingati perasaan chintakan bangsa dan tanah ayer, dan berserah kapada Allah.

"Dengan ini saya lepaskan tuan2 sakalian melangkahkkan kaki dan saya ucapkan selamat belayar selamat dalam latehan dan semoga tuan2 sentiasa di-dalam kandingan sehat dan afiat", tambah beliau.

Menteri Besar Brunei sa-lanjut-nya menasehatkan supaya tenang dan sabar dalam menem-poh semua perkara yang baharu di-fasai dalam menjalani latehan. Tetapi semua perasaan dukachita itu, kata beliau, akan hilang apabila di-ingatkan bahawa maksud meninggalkan tanah ayer ia-lah untuk mencari ilmu dan pengetahuan yang akan di-sembahkan kapada bangsa dan tanah ayer.

"Belajar dan tuntut-lah segala jenis ilmu pengetahuan dan chara2 latehan yang mengenai diri sendiri untuk melayakkan diri tuan2 sa-bagai sa-orang Askar atau hulubalang negara yang akan menjadi benteng keselamatan bangsa dan negara," tegas beliau.

UPACHARA PERBARISAN ROMBONGAN PERTAMA ASKAR MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Penduduk2 Negeri Brunei di-jangka akan dapat menyaksikan "upachara2 perbarisan" yang akan di-ambil bahagian oleh 59 orang Askar Melayu Brunei bersama 28 orang pasukan pencharagam Askar Melayu Di-Raja Persekutuan Tanah Melayu di-Bandar Brunei, Kuala Belait dan Pekan Tutong.

Nama2 Rumah M. B. dan S. U. K.

BANDAR BRUNEI. — Dua rumah Kerajaan yang di-khaskan untuk kediaman Menteri Besar Brunei dan Setia Usaha Kerajaan yang dudok-nya di-kawasan Kumbang Pasang, kira2 sa-batu jauh-nya dari Pejabat Kerajaan telah di-beri nama:

- ◆ "Rumah Jerambak" bagi rumah Menteri Besar; dan
- ◆ "Rumah Simaun" bagi rumah Setia Usaha Kerajaan.

Gelaran nama rumah2 tersebut telah di-umumkan baharu2 ini.

PAKAR2 PERUBATAN MALAYA MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. Dua orang pakar2 perubatan yang kanan di-Kementerian Kesehatan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur pada hari Ithnin 9 October yang lalu.

Doktor2 itu ia-lah Doktor Abdul Majid bin Ismail, Penasehat Pembedahan Tulang dan Doktor Omar bin Din, Penasehat Rawatan Radiologi.

Doktor Majid dan Doktor Omar telah melawat ka-Negeri Brunei untuk membantu Kerajaan Brunei bagi membuat ranchangan, penyusunan dan penatdibiran perkhidmatan2 rawatan radiologi.

Doktor2 tersebut telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana pada petang hari Sabtu yang lalu.


Pada 9, 10, 11 dan 14 October Doktor2 tersebut telah memberi

rawatan di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei; pada 12 October di-Rumah Sakit, Temburong dan pada 13 October di-Rumah Sakit Kerajaan, Kuala Belait.

Pakar2 perubatan tersebut telah melawat ka-Ulu Belait pada 16 dan 17 October untuk memberi pertolongan kapada penduduk2 di-sana.

Doktor Majid dan Doktor Omar akan berangkat ka-Jesselton dengan kapal terbang besok, hari Khamis 19 October.

DOKTOR OMAR DAN DOKTOR MAJID DI-RUMAH SAKIT BESAR



Pakar2 Perubatan dari Malaya, Doktor Omar dan Doktor Majid kelihatan memeriksa sa-orang Melayu yang mengidap penyakit dalam tulang di-Rumah Sakit Besar, Brunei pada pagi hari Sabtu yang lalu.

Pengiran Ahmad bin D.P.B. Anak Haji Md. Yassin, Pegawai Pentadbir; Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim, Pegawai Da'erah Brunei; Inche' Md. Salleh bin Abdul Kadir, Pemangku Pegawai Penerangan Negara; Inche' Stephen Liew, O.C.P.D. Brunei dan Inche' Paul Carson, Setia Usaha.

Pelawat2 Kenamaan

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang kenamaan dari 3 bangsa, ia-itu Inggeris, Jerman dan Jepun telah melawat ka-Negeri Brunei pada hari Sabtu yang lalu.

Beliau2 itu ia-lah Tuan Anthony Lawrence, Wakil British Broadcasting Corporation di-Timor Jauh, beribu pejabat di-Hongkong; Professor Doktor F.E.W. Altmann, sa-orang pakar ekonomi dari Jerman Barat dan Tuan Yasuo Makino, sa-orang Jurutera dan Telephone dari Negeri Jepun.

Ketiga2 orang pelawat tersebut telah mengadakan pertemuan dengan beberapa orang Pegawai Kerajaan di-Bandar Brunei dan juga melawat ka-beberapa tempat yang mustahak di-sini, di-antaranya ia-lah ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin dan ka-Kampung Ayer.

Pelateh2 Pulis Ka-Malaya

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh orang pelateh2 pulis yang telah di-pileh untuk berkhidmat dengan Pasokan Pulis Negeri Brunei telah belayar ka-Singapura dengan kapal laut pada minggu yang lalu.

Dari sana mereka telah pergi ka-Kuala Lumpur untuk berlateh di-Pusat Latehan Pulis Di-raja Persekutuan Tanah Melayu selama kira2 sembilan bulan.

Inche Talib bin Derwish, Jurutera Negara; Yang Berhormat

GURU2 BESAR SEKOLAH2 MELAYU BRUNEI MELAWAT MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Lebih 51 buah sekolah2, maktab2 dan university di-Persekutuan Tanah Melayu telah di-lawati oleh rombongan Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Negeri Brunei yang di-ketuai oleh Inche' Md. Yusuf bin Tahir, Nazir Sekolah2 Melayu luar Bandar Brunei dalam bidang2 lawatan mereka sambil belajar sa-lama sabulan di-sana.

Inche' Md. Yusuf bersama dengan Guru2 Besar yang terdiri dari Inche'2 Ludin bin Hashim, A.H. Yusuf bin A.M. Daud, Abdullah bin Penyurat Haji Abu Bakar, Md. Yasin bin Haji Metassim dan Julaihi bin Sulaiman telah balek ka-tanah ayer pada 4 October yang lalu sa-telah mengikuti ranchangan2 yang di-ator oleh Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam bidang lawatan guru2 itu telah mengikuti ranchangan2:

◆ Meninjau perkembangan pelajaran di-sekolah2 dan chara2 pentadbiran-nya; dan

◆ Melawat sambil belajar mengenai perkara2 yang berhubungan dengan persekolahan.

Inche' Md. Yusuf berkata:

"Lawatan kami lebih kurang sa-bulan itu ia-lah arahan dari Jabatan Pelajaran Brunei, tetapi segala ranchangan dalam "melawat sambil belajar" itu di-ator oleh Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau menegaskan bahawa lawatan mereka dalam masa yang singkat itu ada-lah memberi kesan yang memuaskan demi kepentingan persekolahan di-Negeri Brunei.

"Kami telah melawat lebih dari 51 buah sekolah2 maktab2 dan university di-sana dengan panduan dari pegawai2 Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu. Kami dapat menyaksikan beberapa perubahan yang mustahak di-turut dan di-buat di-Sekolah2 Melayu di-Negeri Brunei terutama mengenai susunan dan alatan2 pelajaran yang di-selenggarakan di-tiap2 buah sekolah yang kami lawati itu", tambah Inche' Yusuf.

Inche' Md. Yusuf berkata lagi bahawa segala perkara2 yang baharu kami lihat dan kami pandang dalam masa lawatan kami itu akan kami hadapkan kepada Jabatan Pelajaran Brunei — yang berupa laporan ringkas.

"Satu perkara yang menarek perhatian kami ia-lah tentang ada-nya badan pengurus tiap2 buah sekolah itu yang di-namakan Lembaga Pengurus Sekolah.

"Lembaga Pengurus tiap2 sekolah itu bertugas baik keluar dan ka-dalam berhubung hal2 sekolah masing2", tegas beliau.

Mencheritakan tentang keadaan murid2 sekolah yang mereka lawati itu, Inche' Md. Yusuf berkata bahawa murid2-nya semua chergas baik di-luar atau dalam darjah-nya, dan keharmonian-nya chukup memuaskan.

Rombongan Guru2 Besar itu telah melawat sekolah2, maktab2, dan university di-Kuala Lumpur, Kota Bharu, Pulau Pinang, Ipoh dan Melaka.

Sa-lain dari lawatan dalam

bidang2 persekolahan mereka juga telah melawat satu kawasan yang terkenal dengan nama

KERAJAAN INDONESIA HADIAH 100 BUAH KORAN

BANDAR BRUNEI. — kerajaan Indonesia telah menghadiahkan 100 buah Al-koran kepada Kerajaan Brunei.


Hadiah itu telah di-sampaikan oleh Tuan Surjono, Konsol Indonesia di-Singapura kepada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali, Pengetua Pegawai Hal Eh-

"Lembah Bilut".

"Kami berasa kagum melihat ranchangan2 kemajuan luar bandar yang telah di-buat oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, terutama mengenai kemudahan2 yang di-beri kepada penduduk2 yang tinggal di-kawasan perpindahan itu," kata Inche Yusuf.

wal Ugama Brunei pada masa kunjangan Konsol Indonesia itu ka-Brunei sadikit hari dahulu.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali, bagi pehak Kerajaan Brunei telah mengucapkan berbanyak2 terima kasih kepada Kerajaan Indonesia terhadap hadiah yang berharga itu.



Dalam gambar ini kelihatan Tuan Surjono (kanan) sedang menyampaikan hadiah sa-buah daripada 100 buah Al-koran itu kepada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali.

PUAN GRETA COLLYNS

BANDAR BRUNEI. — Puan Greta Collins, Penolong Ketua Pesuruh Jaya Pandu Puteri untuk kawasan Seberang Laut telah melawat ka-Brunei dua kali pada bulan yang lalu.

Dalam masa lawatan ka-Brunei, Puan Collins telah menjadi, tetamu kepada Puan Morley, Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei.

Puan Collins telah menghadhiri istiadat2 sambutan Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia di-Bandar Brunei dan di-Kuala Belait, serta juga menghadhiri temasha2 "Camp-Fire" oleh Pandu Puteri di-Bandar Brunei dan sandiwara Pandu Puteri di-Seria.

Sa-bagai memperingatkan lawatan Puan Collins ka-Bandar Brunei, Pandu2 Puteri di-sini telah menghadiahkan kepada-nya gelang perak dan pisau pembuka sarong surat yang di-perbuat oleh tukang2 perak tempatan. Hadiah itu telah di-sampaikan kepada Puan Collins di-temasha "Camp Fire" tersebut pada malam 20 September.

Puan Collins telah menarek hati melihat pekerjaan2 yang dilakukan oleh pergerakan Pandu

Puteri di-Negeri Brunei dan berharap sa-moga pergerakan itu akan maju sa-tiap masa.



Puan Morley (kanan) kelihatan mengucapkan selamat datang ka-Brunei kepada Puan Collins di-bangunan lapangan terbang.

Lawatan Konsol2 Indonesia Ka - Brunei

BANDAR BRUNEI. — Dua orang Konsol Indonesia di-Singapura Tuan Surjono dan Tuan Makstjo telah melawat Brunei pada 6 October lepas sa-telah menghabiskan lawatan ka-Kuching.

Sa-telah melawat sa-lama tiga hari di-Brunei, mereka telah berlepas ka-Sandakan pada 9 October yang lalu. Dari Sandakan Konsol2 Indonesia itu telah ber-kunjong ka-Tawau dan Jesselton dan balek ka-Singapura pada 17 October yang lalu.

Sa-lama di-Brunei Konsol2 Indonesia itu telah berjumpa dengan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Md. Ali bin Pengiran Haji Md. Daud; Pegawai Pelajaran Negera, Yang Berhormat Inche' Idris bin Babjee dan Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di-Brunei Yang Terutama Tuan D.C. White.

Mereka telah juga melawat mesjid Omar Ali Saifuddin, Pertukangan Perak di-Kampung Sungai Kedayan, kawasan padang minyak di-Seria dan lain2.

Dalam bidang lawatan yang singkat, Konsol2 Indonesia itu telah menjalankan tugas2 yang di-sandangkan oleh Kerajaan Indonesia, antara-nya:

◆ Menghadiahkan 100 buah Al-Koran kepada ra'ayat Islam di-Negeri Brunei melalui Pengetua Hal Ehwal Ugama;

◆ Mengunjongi warga negara Indonesia di-Negeri Brunei;

◆ Memperbaiki perhubungan yang irat di-antara Pemerintah Indonesia dengan Negeri Brunei dalam lapangan pendidikan, ekonomi, kebudayaan dan lain2.

Perlumbaan Basikal Anjoran Klab Pemuda Seria

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan basikal di-bawah anjoran Klab Pemuda Seria akan di-adakan di-kawasan sukan yang baharu di-Seria pada 22 October dan 29 October akan datang.

Pemilihan akan di-adakan pada hari Ahad 22 October mulai pukul 9 pagi dan pelumba2 yang berjaya dalam perlumbaan itu akan di-pilih untuk berlumba dalam perlumbaan yang akhir pada hari Ahad 29 October.

Perlumbaan itu ada-lah terbuka kepada 3 bahagian, ia-itu Bahagian "A" untuk lelaki sa-jauh 7½ batu, Bahagian "B" untuk wanita sa-jauh 5 batu dan Bahagian "C" untuk lelaki sa-jauh 10 batu.

Pelumba2 lelaki yang hendak mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut hendak-lah berumur di-antara 15 dan 40 tahun, manakala pelumba2 wanita pula hendak-lah berumur di-antara 15 dan 30 tahun.

Jenis2 basikal yang di-benarkan untuk kegunaan dalam perlumbaan2 tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:—

◆ Bahagian "A" — Pelumba lelaki hendak-lah menggunakan basikal jenis "Lelaki" atau "Sport" yang mempunyai speedgear atau tidak mempunyai speedgear.

◆ Bahagian "B" — Pelumba wanita hendak-lah menggunakan basikal jenis "Lelaki" atau "Sport", yang mempunyai speedgear atau tidak mempunyai speedgear.

◆ Bahagian "C" — Perlumbaan istimewa terbuka kepada lelaki dengan menggunakan basikal lomba yang mempunyai speedgear.

Lain2 syarat perlumbaan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

(a) Basikal mesti-lah mempunyai brake hadapan dan brake belakang yang baik. (b) Menolak atau menghempit jalan peserta2 yang lain tidak-lah di-benarkan. (c) Sa-belum memotong jalan sa-orang pelumba hendak-lah mempunyai jarak tidak kurang dari jarak sa-buah basikal. (d) Pelumba boleh minum atau berehat dalam perlumbaan. (e) Para peserta yang mengambil bahagian ada-lah atas tanggong jawab sendiri. (f) Tidak ada apa2 tuntutan boleh di-kenakan kepada Klab Pemuda Seria atas

kechederaan yang berlaku sa-masa dalam perlumbaan. (g) Peserta mesti-lah menggunakan nombor yang di-berikan oleh badan penaja perlumbaan itu dan (h) Keputusan2 hakim2 ada-lah muktamat.

Bayaran masuk untuk tiap2 pelumba ia-lah sa-ringgit. Segala borang permohonan hendak-lah di-alamatkan kepada Pengerusi Perlumbaan Basikal, Klab Pemuda Seria, Peti Surat Nombor 115, Seria dan borang itu hendak-lah sampai ka-tangan-nya sa-belum pukul 4 petang hari Sabtu 21 October.

Borang2 permohonan boleh-lah di-dapati daripada: Puan Saemah Yusuf (Pejabat Pos) dan Puan Naemah Yusuf (Pejabat Kewangan) — Bandar Brunei, Inche Marak Nyawa (Pejabat Pos), Awangku Mohamed Yusuf (Klab Pemuda Seria) dan Inche Han Seng Fong (Pejabat E.S.D. Sharikat Minyak Brunei Shell) — Seria, dan juga daripada Awangku Umar (Pejabat Pos) serta Inche Abdul Hamid Yusuf (Pejabat Elektrik) di-Kuala Belait.

PIALA BORNEO

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan bola sepak di-antara Brunei dan Sarawak dalam pertandingan sa-paroh akhir Piala Borneo akan di-langsungkan di-Kuching pada hari Sabtu 28 October, 1961. Demikian menu-rut satu puncha yang rasmi.

Pasokan bola sepak dari Brunei akan berlepas ka-Kuching dengan sa-buah kapal terbang khas pada hari Jumaat 27 October, dan balek ka-Brunei pada Ahad 29 October.

Pertandingan akhir untuk merebutkan Piala Borneo yang berharga itu akan di-langsungkan di-Bandar Brunei di-antara pasokan2 Brunei dan Sarawak.

Sungguh pun hingga ka-sa'at membuat berita ini PELITA BRUNEI belum lagi mendapat berita yang sah berkenaan dengan tarikh perlawanan yang agong itu di-antara Brunei dan Sarawak, akan tetapi ada-lah diperchayai menurut satu sumber yang rapat dengan PELITA BRUNEI bahawa perlawanan itu akan di-adakan dalam bulan November hadapan.

KELAB MELAYU SHELL MENANG PERTANDINGAN HOKEY

BANDAR BRUNEI. — Klab Melayu Shell telah mengalahkan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dengan 2 gol berbalas 1 dalam pertandingan hokey sa-paroh akhir bagi merebutkan Piala Wernham.

Pertandingan yang hebat itu telah di-adakan di-padang Maktab S.O.A.S. pada petang hari Sabtu 7 October, 1961 dan di-saksikan oleh ramai penggemar permainan hokey.

Dengan kemenangan-nya itu, Klab Melayu Shell telah berjaya melawan Brunei Sports Club dalam pertandingan akhir untuk menentukan kejohanan pertandingan tersebut.

Pada sa-panjang masa pertandingan itu, pemain2 kedua2 pasukan telah bermain dengan cergas. Penjaga2 gol kedua2 pasukan telah juga tidak ketinggalan meyelamatkan beberapa pukol-

an bola yang merabahaya.

Lima belas minit sa-telah pertandingan itu di-mulai, penyokong2 Klab Melayu Shell telah bersorak dan bertepok tangan.

Perkara itu ia-lah kerana Klab Melayu Shell telah mendapat gol-nya yang pertama menerusi Ali Talib.

Kemudian pemain2 Maktab S.O.A.S. kelihatan beberapa kali menyerbu masuk ka-dalam kubu pertahanan Klab Melayu Shell dan lima minit sa-belum tamat pertandingan itu Zainuddin Marsal, pemain S.O.A.S. College yang handal telah berhasil memberi gol yang tunggal kepada pasukan-nya dengan satu pukolan

bola yang kuat tidak jauh dari hadapan pintu gol pasukan Klab Melayu.

Dalam masa berehat, pasukan2 itu telah seri, ia-itu satu gol berbalas satu.

Gol yang membawa kemenangan kepada pasukan Klab Melayu Shell telah di-jaringan oleh Ibrahim Ghani tujuh minit selepas pertandingan di-mulai dalam pertengahan yang kedua.

Sungguh pun pemain2 Maktab S.O.A.S. telah berkali2 mencuba hendak menjaringkan gol selepas itu, akan tetapi mereka telah tidak berhasil.

Pertandingan itu berkesudahan dengan Klab Melayu Shell mengalahkan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin 2 gol berbalas satu.

Inche David St. John Forrer dan Inche Norman Vowles telah mengadakan pertandingan tersebut.

Pegawai2 Baharu

KUALA BELAIT. — Pegawai2 baharu Lig Bola Sepak Daerah Belait untuk tahun 1961/1962 yang telah di-lantek dalam satu mashuarat di-dewan S.R.C. pada 5 October, 1961 ia-lah:

Pengurus — Inche R.G. Clark; Naib-Pengurus — Inche J. Jenkins; Setiausaha yang Kehormat — Inche Peter Lee; Bandahari Y.K.H.—Inche Morshidi bin Haji Abang Suhaili.



Ahli2 Majlis Meshuarat Melawat Malaya

BANDAR BRUNEI. — Lima orang ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei telah melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada minggu yang lalu untuk memerhatikan Persidangan Majlis Meshuarat Dewan Ra'ayat di-Kuala Lumpur.

PEGAWAI2 PERUBATAN

KA-ULU BELAIT

KUALA BELAIT. — Beberapa orang Pegawai Perubatan Kerajaan Brunei telah melawat ka-Ulu Belait pada hari2 Ithnin dan Thalatha yang lalu.

Mereka telah di-ketuai oleh Doktor Abdul Wahab Ariff, Pegawai Perubatan Negara, Brunei.

Tujuan lawatan Pegawai2 Perubatan itu ka-Ulu Belait ialah untuk menyuntik dan memberi pertolongan kepada penduduk2 di-kawasan tersebut bagi menchegeh penyakit taun.

Doktor Omar bin Din dan Doktor Abdul Majid bin Ismail, dua orang pakar2 Perubatan dari Persekutuan Tanah Melayu telah juga melawat ka-Ulu Belait bersama2 rombongan tersebut.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Pegawai2 Perubatan tersebut juga telah menjalankan berbagai2 penyiasatan dan juga memberi nasehat2 yang berfaedah kepada penduduk2 tersebut berhubung dengan hal ehwal kesihatan.

Lawatan beliau2 itu ada-lah atas jemputan daripada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau2 itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Lakamana Dato Setia Haji Mohamed Taha (Ketua Rombongan), Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim, Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar, Yang Berhormat Tuan Haji Awang Tengah bin Awang Daud, dan Yang Berhormat Inche Idris bin Imam Sa'id.

Pemegang Chokmar Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar dari Pasokan Pulis Negeri Brunei telah juga melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu bersama2 dengan rombongan tersebut.

Sa-lain daripada memerhatikan Persidangan Majlis Meshuarat Dewan Ra'ayat, beliau2 tersebut juga akan melawat ka-Jabatan2 Kementerian Persekutuan Tanah Melayu dan memerhatikan pekerjaan2 yang di-jalankan di-jabatan2 itu.

Rombongan tersebut di-jangka balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari Ithnin 23 October akan datang.



Penuntut2 Brunei di-Maktab Perguruan, Kota Bharu, Kelantan bergambar ramai sa-telah mengadakan sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Sultan kali yang ke-45.

SAMBUTAN HARI JADI D.Y.M.M.

KELANTAN. — Penuntut2 Brunei di-sini telah merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin kali yang ke-45 pada malam 23 September yang lalu di-Maktab Perguruan, Kota Bharu.

Sambutan Hari Derghayu Duli Yang Maha Mulia itu telah di-rayakan dengan majlis jamuan nasi beriani yang di-hadhiri oleh 400 orang para jemputan termasuk-lah pensharah2 maktab, guru2 dan penuntut2 maktab tersebut.

Di-samping mengucapkan tanda ta'at setia kepada raja dan tanah ayer mereka, Ak. Mustapha bin Pengiran Metassan, Pengerusi Majlis tersebut telah membachakan rengkasan riwayat hidup Duli Yang Maha Mulia dalam majlis itu..

Lagu Kebangsaan Negara Brunei telah juga di-perdengarkan sa-bagai pembukaan majlis yang di-arahkan oleh Mr. Gomes, Pensharah Musik Maktab itu.

Pengerusi majlis telah juga mengucapkan terima kasih kepada derma2 yang telah di-berikan oleh Askar Melayu Brunei di-Port Dickson, Penuntut2 Brunei di-Maktab Tentera Persekutuan, Penuntut2 Brunei di-Maktab Islam Klang, Penuntut2 Brunei di-Maktab Latehan Sultan Idris, Tanjong Malim dan Penuntut2 Brunei di-Sekolah Al-Junid, Singapura.

Dalam surat yang telah kita terima, penuntut2 tersebut juga mengucapkan terima kasih kepada derma2 yang datang-nya dari Persekutuan Murid2 Tua Maktab S.O.A.S. dan penuntut2 di-Maktab tersebut.

Persidangan

(Dari muka 1)

Di-antara-nya ia-lah 22 buah negara yang menjadi ahli Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh; 2 buah negara yang menjadi ahli2 bersekutu dan wakil2 dari 3 buah negara yang tidak menjadi ahli tetapi hadir sa-bagai pemerhati2.

Negara2 yang menjadi ahli surohanjaya tersebut ia-lah: Australia, Burma, Ceylon, China Kebangsaan (Taiwan), Persekutuan Tanah Melayu, France, India, Indonesia, Iran, Jepun, Korea Selatan, Laos, Nepal, Belanda New Zealand, Pakistan, Filipina, Negeri Siam, United Kingdom, Russia dan Vietnam.

Negara2 yang menjadi ahli2 bersekutu ia-lah: Brunei dan Singapura.

Negara2 yang tidak menjadi ahli tetapi telah hadir sa-bagai pemerhati ia-lah: Czechoslovakia, Jerman Barat dan Yugoslavia.

Perdana Menteri India, Shri Jawaharlal Nehru telah mengucapkan selamat datang kepada semua yang hadir di-persidangan tersebut.

Dalam ucapan-nya Perdana Menteri Nehru menyatakan bahawa persidangan itu dapat memberi keuntungan kepada wakil2

Surohanjaya

Perekonomian di-India



Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei (nombor 3 dari kiri) kelihatan dalam gambar ini berjabat tangan dengan Perdana Menteri India, Shri Jawaharlal Nehru pada masa beliau menghadiri Persidangan Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh di-New Delhi, India.

dan pemerhati2 yang hadir untuk menukarkan fikiran, pendapat dan pengalaman masing2 dalam hal ehwal perekonomian.

Sa-telah selesai persidangan itu, wakil2 dan pemerhati2 telah di-raikan di-satu majlis jamuan yang besar di-rumah Presiden India Rajendra Prasad oleh Naib Presiden India.

Para perwakilan dari Negeri Brunei telah berangkat balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari New Delhi pada 4 October.

Dalam perjalanan balek ka-Brunei beliau2 itu telah melawat ka-Bangkok, ibu kota Negeri Siam. Beliau2 itu telah melawat ka-Pejabat Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh

di-Bangkok dan telah bertemu dengan Pegawai2 Jabatan Setiausaha Surohanjaya tersebut.

Sa-telah kembali ka-Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof berkata bahawa hasil persidangan itu ada-lah memberi banyak faedah kepada Negeri Brunei terutama se-kali mengenai hal ehwal ekonomi dan so'al perkembangan Negara ini.

Sa-lain daripada menghadiri persidangan itu, para perwakilan dari Negeri Brunei telah dapat melawat ka-beberapa tempat yang mustahak di-India.

Di-antara tempat2 yang dilawati itu, ia-lah kawasan2 perkembangan, perusahaan dan juga ka-kawasan perpindahan.

Para perwakilan dari Negeri Brunei telah juga melawat ka-beberapa kawasan yang menunjukkan penderitaan kehidupan di-India, tegas lagi Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang menghadiri persidangan tersebut akan menyampaikan penyata berhubung dengan persidangan itu kepada Kerajaan Brunei dengan sa-chepat mungkin.